

**PANITIA EKONOMI DAERAH BENTONG****PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2021****3757/1****EKONOMI****Kertas 1/ Set 1**

1 1/4 jam

**Satu jam lima belas minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1. Pernyataan manakah yang betul berkaitan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Kuantan?

- A Kekurangan modal untuk melaksanakan projek komuniti
- B Keuntungan menjadi matlamat yang ingin dicapai
- C Kepuasan maksimum masyarakat diambil kira
- D Kebajikan rakyat dititik beratkan.

2. Gambar berikut berkaitan dengan faktor-faktor pengeluaran.



Apakah persamaan faktor pengeluaran di atas?

- A Penawaran terhad
- B Sumber semulajadi
- C Dibekalkan oleh firma
- D Mendapat ganjaran upah

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi dua buah negara.

Negara M	Negara N
Mekanisme harga memainkan peranan penting	Penetapan harga oleh pihak pemerintah

Apakah sistem ekonomi kedua-dua negara tersebut?

	Negara M	Negara N
A	Perancangan Pusat	Campuran
B	Campuran	Pasaran Bebas
C	Pasaran Bebas	Campuran
D	Pasaran Bebas	Perancangan Pusat

4. Maklumat berikut berkaitan sistem ekonomi sebuah negara.

Negara Cuba merupakan sebuah negara republik di Amerika Utara yang masih kekal mengamalkan sistem ekonomi sosialis.

Bagaimanakah negara tersebut menyelesaikan masalah asas ekonominya?

- A Harga barang berdasarkan interaksi mekanisme harga
- B Kuantiti barang dikeluarkan berdasarkan permintaan pasaran
- C Kaedah pengeluaran berteknologi tinggi digunakan
- D Penyediaan barang dan perkhidmatan awam secara intensif

5. Permintaan berkesan mesti disertai dengan

- A kemampuan membeli
- B keinginan memiliki barang
- C kehendak yang pelbagai
- D kepuasan maksimum

6. Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan harga barang A dan kesan kepada kuantiti diminta bagi barang B.

Harga Barang A (RM)	Kuantiti diminta Barang B (unit)
10	50
20	30

Apakah contoh pasangan barang tersebut?

A	Nescafe	Kopi
B	‘Tablet’	Komputer riba
C	Mesin pencetak	Dakwat
D	Garam	Gula

7. Pilih pernyataan yang betul berkaitan keluk permintaan pasaran.


- A mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- B lebih curam berbanding keluk permintaan individu
- C diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar kuantiti diminta setiap individu
- D apabila harga meningkat semakin banyak kuantiti diminta oleh setiap individu

8. Pilih pasangan yang betul berkaitan barang X.

	<b>Penentu permintaan</b>	<b>Keterangan</b>
I	Harga barang penggenap turun	Pertambahan permintaan
II	Pendapatan pengguna meningkat	Pengembangan permintaan
III	Harga barang dijangka naik pada masa hadapan	Penurunan permintaan
IV	Berlaku kenaikan harga barang X	Penguncupan permintaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang bagi lima firma di pasaran.



Berapakah kuantiti yang ditawarkan oleh firma C jika penawaran pasaran pada tingkat harga RM30 ialah 80 unit.


- A 9
- B 15
- C 39
- D 45

10 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu penentu penawaran ke atas satu barang.

Kerajaan memperuntukkan RM5 Bilion sebagai Kemudahan Bantuan Khas (SRF) untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui PENJANA

Sumber : BH Online 22 Mac 2020

Rajah manakah yang menunjukkan kesan situasi di atas?



11. Jadual di bawah ini menunjukkan permintaan dan penawaran kek cawan.


Harga (RM)	Kuantiti Diminta			Kuantiti Ditawar	
	Individu A	Individu B	Individu C	Firma X	Firma Y
30	20	14	8	6	8
40	17	12	7	8	10
50	13	10	6	10	12
60	11	8	5	11	13
70	7	6	4	14	16

Tentukan harga keseimbangan.

- A RM30  
 B RM40  
 C RM50  
 D RM60
12. Sepanjang tempoh kawalan pergerakan dilaksanakan,muncul ramai usahawan PKS yang mengusahakan pelbagai jenis kerepek.

Apakah kesan tindakan tersebut kepada pasaran minyak masak kampit?

- A masalah lebihan stok  
 B berlaku lebihan permintaan  
 C wujud keseimbangan pasaran  
 D Harga minyak kampit akan turun
13. Rajah berikut menunjukkan perubahan keseimbangan bagi pasaran motosikal tempatan.



Tindakan kerajaan manakah yang menyebabkan perubahan tersebut?

- I Mengurangkan pelepasan cukai pendapatan individu
  - II Menghentikan larangan syarikat beroperasi pada musim pandemik
  - III Memansuhkan skim subsidi upah kepada syarikat
  - IV Mengetatkan syarat kelayakan penerima BSH
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

14. Nilai pekali keanjalan harga permintaan barang X ialah 0.4.  
Ini menunjukkan

- A peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
- B keluk permintaan barang ini berbentuk landai
- C peniaga perlu menaikkan harga untuk meningkatkan hasil jualan
- D apabila harga meningkat 1% kuantiti diminta naik 0.4%

15. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti penawaran suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
2	12
4	18

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut apabila berlaku kenaikan harga?

- A 0.5
- B 0.7
- C 1.5
- D 2.0

16. Manakah di antara berikut yang merupakan ciri – ciri wang?

- I Wang boleh digunakan untuk mendapatkan barang
- II Peniaga dan masyarakat menerima wang tersebut
- III Wang yang baik adalah tidak mudah koyak
- IV Harga barang dapat dinyatakan dalam sistem wang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Apakah fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
- A Menjaga rizab berkanun  
 B Memberi nasihat pelaburan  
 C Mengawal kestabilan mata wang  
 D Mengeluarkan mata wang
18. Apabila rizab berkanun diturunkan
- A inflasi dapat dikawal  
 B keupayaan bank mencipta kredit naik  
 C penawaran wang dalam pasaran menurun  
 D kuasabeli akan berkurang
19. Maklumat berikut berkaitan dengan perkhidmatan bank perdagangan.
- Encik Ahmad mengeluarkan gaji terkumpul berjumlah RM 12 000.
  - Beliau melangsaikan bayaran tetap sewa rumah dan bayaran lain seperti bil utiliti. Jumlah keseluruhan perbelanjaan ini adalah RM1500.
  - Kemudian beliau mengarahkan Bank ABC untuk mengeluarkan cek bernilai RM10 500 bagi membolehkan beliau membuat bayaran bil pembedahan di hospital
- Apakah perkhidmatan yang digunakan oleh beliau di Bank ABC?
- A Draf bank  
 B Debit langsung  
 C Pindahan kredit  
 D Perintah sedia ada
20. Berikutan pandemik yang melanda negara, pekerjaan sektor manakah di antara berikut yang kurang terjejas?
- A Penerbangan  
 B Pelancongan  
 C Pertanian  
 D Perhotelan

21. Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan contoh pekerjaan mengikut sektor ekonomi.



Matsuri Sdn Bhd, Semambu  
Gambar 1



Klinik Gigi Indah, Maran  
Gambar 2

Pasangan manakah yang betul?

	Gambar 1	Gambar 2
A	Ganjaran yang baik	Ganjaran lumayan
B	Pekerjaan risiko tinggi	Pekerjaan kurang risiko
C	Menerima untung	Menerima upah
D	Sektor ketiga	Sektor kedua

22. Gambar 3 dan Gambar 4 merupakan dua jenis barang dalam ekonomi.



Gambar 3



Gambar 4

Apakah kelebihan Gambar 3 berbanding Gambar 4?

- I Mempengaruhi taraf hidup
  - II Dipenuhi terlebih dahulu
  - III Harga dikawal oleh kerajaan
  - IV Untuk mencapai keselesaan
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

23. Dengan melaksanakan belanjawan peribadi, individu akan berupaya
- A menyelesaikan hutang dengan segera
  - B menambah pendapatan boleh guna
  - C membayar cukai pendapatan individu
  - D membeli lebih banyak barang mewah
24. Jadual di bawah menunjukkan tingkat keluaran dan kos berubah sebuah firma.

Tingkat keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)
10	40
20	100
30	240
40	250

Jika kos tetap firma ialah RM100, pada timgkat keluaran berapakah kos purata minimum?

- A 10
  - B 20
  - C 30
  - D 40
25. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

$\text{Kos Berubah} = \text{RM } 40$ $\text{Kos Purata} = \text{RM } 4$ $\text{Jumlah output} = 20 \text{ unit}$
--

Berapakah kos tetap?

- A 10
- B 20
- C 40
- D 44

26. Maklumat di bawah berkaitan eksternaliti .

Walaupun harga Kenderaan Elektrik agak mahal namun penggunaan Kenderaan Elektrik( EV) bermakna pemanduan kenderaan tanpa asap. Impak kepanasan global dapat dikurangkan dan dapat mengurangkan kadar pencemaran daripada kenderaan. Malah, operasi EV yang senyap juga tidak menghasilkan pencemaran bunyi.

Sumber : PanduLaju.com 16/3/2018

Apakah faedah sosial selain daripada yang dinyatakan di atas?

- A Pihak kerajaan menikmati cukai import yang tinggi
  - B Pengeluar kenderaan elektrik menikmati untung
  - C Pemilik kenderaan tidak perlu menanggung kos petrol
  - D Penduduk mempunyai persekitaran kehidupan yang lebih baik
27. Mengapakah barang awam disediakan oleh kerajaan?
- A. Tidak memberikan pulangan yang tinggi
  - B. Bagi menjaga kestabilan ekonomi negara
  - C. Melibatkan penggunaan teknologi canggih
  - D. Memerlukan kerjasama dengan pihak swasta
28. Pada masa deflasi, bank pusat akan berusaha untuk meningkatkan bekalan wang di pasaran.

Tindakan manakah yang bersesuaian dengan matlamat tersebut?

- A Menaikkan kadar rizab berkanun
- B Menaikkan kadar faedah
- C Melonggarkan syarat sewabeli
- D Menjual surat jaminan kerajaan

29. Manakah di antara berikut yang berkaitan dengan cukai langsung?
- A Kereta buatan luar negara dikenakan duti eksais di antara 60% hingga 105%.
  - B Ahli ekonomi mencadangkan duti kereta import ditangguhkan pada musim pandemik.
  - C Majlis Perbandaran Kuantan menggalakkan orang ramai membuat bayaran cukai pintu secara atas talian
  - D Cukai Barang dan Perkhidmatan bagi tahun 2021 masih dikekalkan pada kadar 6%.
30. Cukai eksais merupakan cukai ke atas
- A barang yang diimport
  - B perkhidmatan di restoran dan hotel.
  - C komoditi utama yang dieksport
  - D keluaran tempatan yang dijual dalam negara
31. Maklumat di bawah berkaitan dengan belanjawan kerajaan Negara T.

Bagi tahun kewangan 2020, jumlah perbelanjaan kerajaan bernilai RM600 bilion berbanding jumlah hasil kerajaan RM 7 560 bilion.

- Apakah jenis belanjawan yang diamalkan?
- A Defisit
  - B Lebihan
  - C Seimbang
  - D Kurangan
32. Pilih pasangan yang betul.

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Serahan kepada kerajaan negeri	Bekalan dan perkhidmatan
B	Menyelenggara jalanraya yang rosak	Menambah lampu jalan di luar bandar
C	Menaiktaraf makmal ICT sekolah	Bayaran wang bantuan awal persekolahan
D	Pembinaan kuarters pegawai imegresen	Penggantian jambatan yang terjejas banjir

33. Apakah ciri-ciri globalisasi?

- I Peluasan dasar penswastaan
  - II Perjanjian perdagangan sehala
  - III Kawalan undang-undang yang ketat
  - IV Kaedah komunikasi cepat dan murah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34. Pasangan manakah yang betul berkaitan risiko bagi syarikat multinasional.

	Risiko	Keterangan
A	Kekurangan kemudahan asas	Masalah komunikasi
B	Bantahan masyarakat tempatan	Buruh tidak berkemahiran
C	Kekurangan kemudahan asas	Polisi kerajaan yang merugikan syarikat
D	Bantahan masyarakat tempatan	Bayaran upah yang rendah

35. Situasi manakah yang boleh menyebabkan imbalan akaun perkhidmatan bertambah baik?

- A Pelancong dari Australia menginap di Hotel Seri Malaysia.
- B Kilang Top Golf di Kajang mengupah ramai pekerja warga asing.
- C Rakyat Malaysia menggunakan teksi Vinasun di Saigon.
- D Syarikat insurans dari Brunei memberi perlindungan insurans terhadap produk Malaysia.

36. Manakah di antara berikut merupakan keburukan sekatan pedagangan antarabangsa?

- A Mengurangkan penawaran barang import
- B Menjejaskan imbalan pembayaran
- C Menurunkan pendapatan negara
- D Mewujudkan monopoli

**Soalan 37 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.**

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

37. I Di dalam Sistem Ekonomi Perancangan Pusat, agihan pendapatan adalah seimbang.  
II Kerajaan tidak campur tangan di dalam Sistem Ekonomi Perancangan Pusat.
38. I Import barang tak nampak bermaksud perkhidmatan yang diterima oleh rakyat asing daripada rakyat Malaysia.  
II Contoh import barang tak nampak ialah rangkaian Maybank di Malaysia.
39. I Penutupan sempadan negara adalah langkah sekatan perdagangan antarabangsa.  
II Sekatan perdagangan antarabangsa memberi kesan kepada hubungan diplomatik antara negara.
40. I Eksport negara mempengaruhi penawaran matawang asing.  
II Penawaran mata wang asing berlaku apabila sesebuah negara mengeksport barang ke negara lain.

**KERTAS SOALAN TAMAT.**